LEMBAGA MUZIUM
NEGERI SEMBILAN

# PELAN STRATEGIK

## LEMBAGA MUZIUM NEGERI SEMBILAN

## 2016 - 2045



# PENCAPAIAN LEMBAGA MUZIUM NEGERI SEMBILAN
## 1953 HINGGA 2015

Lembaga Muzium Negeri Sembilan

## SEJARAH BERMULA

**1953 - 1980**

1953 - 1980 Muzium telah ditubuhkan setelah Tuanku Abdul Rahman memberi kebenaran agar Istana Ampang Tinggi dipindahkan dari Tempat asalnya di Kampung Ampang Tinggi ke Taman Bunga di Jalan Dato' Hamzah Seremban.

**1981 - 1982**

1981-1982 Muzium Negeri telah menerima bangunan baru iaitu bekas Astaka Musabaqah Al Quran untuk dijadikan sebuah muzium yang dikenali sebagai Teratak Perpatih.

**1983 - 1985**

1983-1985 Istana Ampang Tinggi pula dipindahkan dari Taman Bunga di Jalan Dato' Hamzah ke Kompleks Taman Seni Budaya di Jalan Sungai Ujong Seremban.

**1986 - 2000**

1986 - Teratak Perpatih telah diisytiharkan sebagai Muzium Negeri oleh YAB Dato' Mohd Isa bin Hj Abdul Samad Menteri Besar Negeri Sembilan pada ketika itu.

1992 - Istana Lama Seri Menanti telah diwartakan sebagai Muzium Diraja Istana Lama Seri Menanti dan menjadi salah satu muzium dibawah pentadbiran muzium.

**2001 - 2003**

2001 - Teratak Za'ba pula dirasmikan sebagai salah satu dari Muzium yang ditadbir oleh Lembaga Muzium Negeri Sembilan.

**2004 - 2015**

2004 - Muzium Replika Istana Raja Melewar pula dibuka dan diletakkan dibawah Pentadbiran Lembaga Muzium Negeri Sembilan.



## VISI

Menjadikan Muzium mengumpul memelihara dan mempamer koleksi adat dan warisan negeri yang terunggul di Malaysia menjelang 2045

## MISI

Menjadi pusat rujukan adat dan warisan negeri melalui amalan permuziuman yang kreatif, inovatif, efektif dan sentiasa mesra pelanggan.

Dasar-dasar sebagai fokus utama :

i. Memulihara dan memartabatkan warisan Negeri Sembilan.
ii. Membudayakan Penyelidikan Warisan yang berkualiti secara berterusan.
iii. Menawarkan perkhidmatan sebagai gedung ilmu kepada masyarakat.
iv. Mempertingkatkan tahap profesional dalam bidang permuziuman.

## RANCANGAN "BLUEPRINT" LEMBAGA MUZIUM NEGERI SEMBILAN

## ( 2016 - 2045 )



## MATLAMAT LEMBAGA MUZIUM NEGERI SEMBILAN PADA 2045

i. Terlaksananya Enakmen Warisan Negeri Sembilan serta Tabung pemuliharaan dan pemugaran negeri.
ii. Menerbitkan setiap hasil penyelidikan dan disebar luaskan kepada masyarakat.
iii. Melahirkan pakar dalam setiap bidang permuziuman serta pertambahan koleksi sebanyak 50 % bagi setiap muzium.
iv. Memastikan masyarakat memperolehi maklumat berkaitan dan budaya Negeri Sembilan melalui pusat dokumentasi dan semudah dihujung jari.
v. Masyarakat memperolehi manfaat hasil perkembangan muzium dengan terdirinya Kompleks Muzium Negeri yang baharu dan moden serta berteknologi tinggi.



## LANSKAP PENCAPAIAN JANGKA PANJANG BLUEPRINT LEMBAGA MUZIUM NEGERI SEMBILAN

## LANSKAP PENCAPAIAN JANGKA PANJANG
## BLUEPRINT LEMBAGA MUZIUM NEGERI SEMBILAN
## ( 2016-2045 )

*Terbahagi kepada 3 fasa ;*

a. Fasa Pertama ( 2016 - 2025 )
b. Fasa Kedua ( 2026 - 2035 )
c. Fasa Ketiga ( 2036 - 2045 )

**TAHUN** **2016** → **2025**

### FASA PERTAMA

**Memulihara Dan Memartabatkan Warisan Negeri Sembilan.**

- Kerja-kerja baikpulih Muzium Diraja Istana Lama Seri Menanti.
- Kerja-kerja naiktaraf Muzium Negeri, Seremban ;
  a. Galeri Setem & Filateli.
  b. Naiktaraf Galeri Pameran.
  c. Kerja-kerja mengecat dan pendawaian elektrik.
  d. Pemasangan signage (papan tanda) untuk keceriaan.
- Kerja-kerja pembinaan kompleks baru Muzium Negeri yang lengkap.

**Membudayakan Penyelidikan Warisan Yang Berkualiti secara Berterusan.**

- Menjalankan kajian, Mendokumentasikan dan menerbitkan Buku Adat dan Sejarah Negeri Sembilan.
- Mengadakan pameran berkala dengan kerjasama Jabatan Muzium Malaysia.

**Menawarkan Perkhidmatan Sebagai Gedung Ilmu kepada Masyarakat**

- Pendokumentasikan lengkap inventori artifak Muzium Negeri
- Bengkel penyediaan storyline untuk kompleks baharu Muzium Negeri, Seremban.
- Perlaksanaan aktiviti Makan Berselo Beradat di Muzium Negeri, Seremban dan Muzium Di Raja Istana Lama Seri Menanti.
- Mempelbagaikan koleksi buku dan rujukan perpustakaan LMNS

**Mempertingkatkan Tahap Profesional dalam bidang Permuziuman**

- Mengenakan bayaran tiket masuk ke Muzium.
- Pembukaan operasi kedai cenderamata di Teratak Za'ba.
- Majlis pembukaan Kompleks Baharu Muzium Negeri, Seremban.
- Menyusun kembali organisasi LMNS dan membuat penambahan kakitangan berdasarkan keperluan semasa.
- Melibatkan kakitangan sokongan dalam kerja-kerja konservasi artifak LMNS.

### TRANSFORMASI MUZIUM









# FASA KEDUA (2026 - 2035)

Lembaga Muzium Negeri Sembilan

**TAHUN** 2026 — 2035

## FASA KEDUA

**Memulihara Dan Memartabatkan Warisan Negeri Sembilan.**

- Kerja-kerja naiktaraf Muzium Rembau.
- Menaik taraf "soft dan hard landskap" Muzium Di Raja Istana Lama Seri Menanti.
- Menaik taraf bangunan Teratak Za'ba.
- Kerja-kerja naiktaraf balai pameran Teratak Za'ba.
- Menaik taraf balai pameran Rembau.

**Membudayakan Penyelidikan Warisan Yang Berkualiti secara Berterusan.**

- Mewartakan Laluan Jalan Penarikan Jempol.
- Mendokumentasi dan mewarta
- kan Laluan Raja Melewar dari Sungai Timun hingga Seri Menanti.
- Menjalankan kajian dan mewartakan 5 objek warisan di Negeri Sembilan.

**Menawarkan Perkhidmatan Sebagai Gedung Ilmu kepada Masyarakat**

- Pembukaan semula galeri pameran Muzium Di Raja Istana Lama Seri Menanti.
- Pendokumentasian lengkap inventori artifak muzium.
- Menaiktaraf Laman Web jabatan.
- Menandatangani MoU dengan pusat pengajian Tinggi Tempatan berkaitan kajian dan pendokumentasian kebudayaan dan warisan Negeri Sembilan.

**Mempertingkatkan Tahap Profesional dalam bidang Permuziuman**

- Pelaksanaan kasar sewaan tapak, peralatan adat, artifak kepada jabatan, agensi berkaitan aktiviti kebudayaan dan warisan.
- Mengadakan sistem server berpusat di Muzium Negeri, Seremban.
- Menaiktaraf peralatan dan kemahiran konservasi kakitangan LMNS.
- Mengenakan kadar sewaan kepada pengunjung Muzium Rembau dan Teratak Za'ba.

LMNS.

## TRANSFORMASI MUZIUM









# FASA KETIGA (2036 - 2045)



**TAHUN** 2036 → 2045

## FASA KETIGA

### Memulihara Dan Memartabatkan Warisan Negeri Sembilan.

- Membina baru Dewan Tempat duduk terbuka dan padang Teratak Za'ba bagi aktiviti-aktiviti warisan dan kebudayaan peringkat daerah.
- Memperkenalkan dan menguatkuasa Enakmen Warisan Negeri secara menyeluruh.
- Menjadikan program jejak warisan satu mata pelajaran wajib di peringkat sekolah menengah dan pengajian Tinggi dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Tinggi.

### Membudayakan Penyelidikan Warisan Yang Berkualiti secara Berterusan.

- Menjalankan kajian dan mewartakan 5 objek warisan untuk diangkat sebagai Warisan Kebangsaan.
- Mengadakan kelas atau diskusi secara "online" di jabatan, agensi pelancongan, sekolah, pusat pengajian tinggi bersama tenaga pakar LMNS.

### Menawarkan Perkhidmatan Sebagai Gedung Ilmu kepada Masyarakat

- Mewujudkan Muzium Maya secara "online".
- Menaik taraf balai pameran artifak kepada bentuk digitalise
- Mewujudkan pengkongsian koleksi artifak asli di muzium dengan kerjasama Istana dan Muzium di Sumatera Barat.
- Menerbitkan buku warisan dan kebudayaan Negeri Sembilan dalam bahasa Inggeris untuk edaran antarabangsa.

### Mempertingkatkan Tahap Profesional dalam bidang Permuziuman

- Mewujudkan booth promosi disetiap negeri dan luar negara.
- Mengadakan lawatan sambil bekerja bagi Kurator dan Penolong Kurator di tapak-tapak Warisan Dunia UNESCO.
- Kurator dihantar berkursus secara "attactment" selama 1 hingga 2 tahun di galeri dan muzium di Eropah dan Asia Barat.
- Menghantar kakitangan "frontliner" untuk berkomunikasi secara menyeluruh dalam Bahasa Inggeris.

## TRANSFORMASI MUZIUM










## PEMACU PERUBAHAN

*Melangkah kehadapan dengan fokus kepada misi dan visi yang tepat disamping dapat merealisasikan hasrat Negeri Sembilan Moden 2045, mengoptimumkan kecekapan pengurusan sumber hingga mencapai matlamat yang telah ditetapkan.*

### MODAL INSAN

*Pembangunan modal insan yang berkemahiran berpengetahuan dan berbakat untuk meningkatkan produktiviti dan keilmuan.*

### ICT DAN TELEKOMUNIKASI

*Mengamalkan gaya hidup dan kerja berasaskan ICT serta telekomunikasi.*

### PERKHIDMATAN AWAM

*Mengoptimumkan fungsi pengurusan sumber manusia dengan matlamat strategi serta misi ke arah mencapai muzium lestari.*

### IDENTITI DAN BUDAYA

*Dasar identiti dan budaya Negeri Sembilan sebagai pengerak nadi utama.*

### PENDAPATAN

*Menggunakan segala sumber dan maklumat ke arah peningkatan sumber pendapatan Muzium.*

### INFRASTRUKTUR

*Memperkasakan infrastruktur dan kemudahan sebagai sokongan kepada peningkatan kualiti kerja.*

### SAINS DAN TEKNOLOGI

*Mempertingkatkan ilmu dalam bidang S&T bagi memaksimumkan pulangan kepada Muzium.*

### KERJASAMA NBOS

*Memperkukuhkan kerjasama dikalangan peneraju dan jabatan dalam melaksanakan dasar-dasar utama.*

## INDEKS LEMBAGA MUZIUM NEGERI SEMBILAN 2045

*Pengukuran kepada pencapaian Lembaga Muzium Negeri Sembilan pada 2045 adalah menerusi penetapan indek dibawah 4 teras utama yang mendasari Blueprint Lembaga Muzium. Setiap indikator dibawah indeks ini akan menggambarkan keberhasilan dan keberkesanan dalam pembangunan Lembaga Muzium Negeri Sembilan ke arah 2045.*

### MEMULIHARA DAN MEMARTABATKAN WARISAN

- *Penguatkuasaan Akta dan Enakmen Warisan.*
- *Kerjasama dan luar negara.*
- *Kadar keprihatinan masyarakat terhadap warisan.*
- *Pertambahan aktiviti adat dan warisan.*
- *Pertambahan jumlah inventori dan koleksi.*

### MEMBUDAYAKAN PENYELIDIKAN BERKUALITI

- *Kakitangan bertaraf berpendidikan tinggi.*
- *Pertambahan koleksi.*
- *Mempamerkan hasil penyelidikan.*
- *Peningkatan maklumat dokumentasi.*

### PENAWARAN PERKHIDMATAN GEDUNG ILMU

- *Pusat penyelidikan sejarah*
- *Penerbitan kajian dan penyelidikan.*
- *Pertambahan program keilmuan.*
- *Kemudahan infrastruktur rujukan maklumat.*

### PENINGKATAN TAHAP PROFESIONAL

- *Peningkatan tenaga pakar dalam pelbagai bidang.*
- *Jalinan kerjasama yang bertambah.*
- *Pengurangan kadar kebergantungan.*
- *Peningkatan tahap kecemerlangan dan berinovatif.*
- *Pertambahan pendapatan.*




## KESIMPULAN

*Pelan strategik Lembaga Muzium Negeri Sembilan 2015 - 2045 adalah usaha untuk menyatakan komitmen jabatan bagi mencapai matlamat menjadi agensi kerajaan yang dinamik dan kreatif dalam menyediakan rangka kerja amalan pengurusan terbaik demi untuk mencapai visi dan misi jabatan yang akhirnya memberi manfaat berterusan kepada masyarakat.*

